

Tudung 'hamba' fesyen



**PENA
KAMPUS**

Oleh Rahimah binti Abdullah

Kemunculan 'tudung segera' menjadi satu fenomena baru dalam industri tudung di Malaysia. Ia bagai membawa satu nafas baru. Ternyata, inovasi baru dalam rekaan tudung membawa impak besar terhadap fesyen tudung sedia ada.

Disebabkan itu, masyarakat mudah saja menerima dan mengadaptasi inovasi moden ini dalam membentuk imej semasa.

Sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat menjadi perangsang yang mendorong pengusaha industri tudung untuk berlumba-lumba menghasilkan rekaan unik dan menarik.

Fenomena tudung segera ini turut menyapa sebahagian besar wanita yang tidak bertudung.

Dengan corak yang pelbagai, kebanyakan wanita yang sebelum ini lebih selesa menayangkan rambut juga mula menjinakkan diri untuk tampil dengan imej bertudung.

Risau juga sejauh manakah

keinginan mereka bertudung dan adakah kerana menyedari tuntutan yang wajib dalam Islam atau sekadar tertarik dengan rekaannya yang unik dan menjadi hamba fesyen semata-mata?

Kini, selepas mengalami beberapa transformasi, timbul pula pelbagai rekaan tudung pelik dan semakin rumit untuk digayakan.

Kebanyakan tudung yang direka bagaikan tersasar jauh dengan matlamat asal tudung itu sendiri yang bertujuan menutup aurat.

Masyarakat dikaburi dengan mainan warna serta keunikan rekaannya sehingga mengabaikan etika pemakaian tudung sebenar yang dituntut agama.

Kita semakin bangga memuja kecantikan dunia hingga meninggalkan keindahan agama.

Rekaan tudung yang dulunya terkenal dengan kesederhanaan dan kesopanan seperti tudung bawal mula digantikan dengan rekaan lebih ranggi dan moden.

Kita hendaklah mendahulukan etika pemakaian sebenar dan jangan terlalu mengikut telunjuk Barat atau hawa nafsu.

● Penulis siswi Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

● Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai pelbagai isu semasa boleh menghantarnya ke ruangan ini dan e-mel kepada ruhaizarusmin@mediaprima.com.my atau rencana@mediaprima.com.my